



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPWPKL.600-3/4/16 Jld.3 (43)
Tarikh : 15 Jun 2023

Puan Wong Chiew Peng

Setiausaha Pertandingan Pengetahuan Am
Persatuan Belia Buddhist Malaysia
No. 9, Jalan SS25/24
47301 Petaling Jaya
Selangor

Puan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID BERAGAMA BUDDHA BAGI PERTANDINGAN PENGETAHUAN AM KEAGAMAAN BUDDHA TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat daripada **Persatuan Belia Buddhist Malaysia** dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah menerima dan meneliti permohonan puan serta tiada halangan untuk penganjuran dan penglibatan murid beragama buddha dalam **Pertandingan Pengetahuan Am Keagamaan Buddha Tahun 2023**.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPWPKL memohon kerjasama pihak puan untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi.

- 3.1 Mendapatkan kebenaran Pengetua/Guru Besar bagi penyertaan guru dan murid;
- 3.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.3 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.4 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 Tiada unsur paksaan kepada sekolah, guru dan murid untuk menyertai aktiviti tersebut;
- 3.6 Penyertaan murid dan guru **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 3.7 Penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada guru dan murid yang terlibat;

..2/-

- 3.8 Pihak penganjur perlu memberikan laluan kepada guru dan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah sekiranya aktiviti tersebut bertindih dengan aktiviti/program sekolah;
- 3.9 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insurans kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid terlibat;
- 3.10 Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang masih berkuatkuasa di semua sekolah di bawah KPM, penganjur dimohon untuk memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat terus dijadikan sebagai salah satu perkara wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung seperti gotong royong membersihkan kawasan (sekiranya program dilaksanakan secara bersemuka);
- 3.11 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 3.12 Pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak puan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

4. Keadaan cuaca panas yang berlaku pada masa ini boleh mencetuskan gelombang haba yang dapat memudaratkan kesihatan seperti hipertemia atau strok haba dan dehidrasi sehingga boleh membawa maut. Justeru, bagi menghadapi cuaca pada tahap gelombang haba ini, pihak puan harus mematuhi garisan panduan yang terdapat dalam Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia bil.1/2023 bertarikh 28 April 2023.

5. Kebenaran ini adalah untuk program yang dinyatakan seperti di atas dan **tamat tempohnya selepas 31 Ogos 2023**. Pihak puan boleh menghubungi **Encik Mohamed Reza bin Aliasad, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, JPWPKL** di talian **03-62046095/012-6594158** atau e-mel **mohamed.reza@moe.gov.my**. untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. HAJAH ZALINA BINTI MOHD TAHIR AMM)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur